

## HIPOTEKS SEJARAH DALAM NOVEL *KALBU QALHA*

MUHAMAD FAIZ SAZALI  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[muhdfaizsazali@gmail.com](mailto:muhdfaizsazali@gmail.com)

MAWAR SAFEI\*  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[mawar.safei@ukm.edu.my](mailto:mawar.safei@ukm.edu.my)

CHE ABDULLAH CHE YA  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[cheabd@ukm.edu.my](mailto:cheabd@ukm.edu.my)

\*Pengarang Koresponden

### ABSTRAK

Makalah ini menumpukan pemerhatian terhadap wujudnya ‘hubungan dan proses antara teks’ dalam penghasilan novel Melayu. Dasar hubungan ini dikesani awal dalam tradisi kesusasteraan Melayu seperti lipur lara, penulisan manuskrip dan seterusnya dalam penulisan prosa moden seperti cerpen dan novel. Kecenderungan hubungan ini dikaitkan dengan ‘intertekstualiti’ iaitu fenomena kewujudan ‘teks dalam sesbuah teks’ atau ‘dialog antara teks’. Intertekstualiti pertama kali diajukan Julia Kristeva bertolak daripada fahaman dialogika Mikhail Mikhailovich Bakhtin dan sistem tanda Ferdinand de Saussure. Ia kemudian diperhalusi beberapa sarjana lain seperti Roland Barthes, Gerard Genette, Michael Riffaterre dan Harold Bloom. Penelitian terhadap novel Amelia Hashim, *Kalbu Qalha* (2017) memperlihatkan kecenderungannya terhadap tema dan latar sejarah dengan merujuk beberapa teks seperti *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, *Manuskrip Undang-Undang Kedah* dan *Manuskrip Surat Menyurat* sebagai sumber utama kajian. Beberapa proses transformasi, pumbaikan dan penentangan teks asal diajukan pengarang daripada bahan-bahan sejarah tersebut. Makalah ini juga memanfaatkan falsafah sejarah yang digagaskan Syed Muhammad Naquib al-Attas, pemikir terkemuka moden Islam pada abad ke-21 yang masyhur dalam pengkajian sejarah dan kebudayaan Melayu. Tulisan beliau yang banyak terkait dengan sejarah dan kesusasteraan selain ilmu metafizik, teologi, falsafah. Penelitian ini menemukan bahawa intertekstual berperanan dalam strategi kepenggarangan Amelia Hashim. *Kalbu Qalha* gubahannya jelas dibangunkan dari bahan-bahan sejarah. Ia khasnya dimanfaatkan dalam kerja ‘memperbaiki’ sejarah Kedah bagi menyalurkan aspirasi dan semangat mempertahankan harga diri bangsa Melayu dalam kalangan khalayaknya.

**Kata kunci:** Amelia Hashim; intertekstualiti; *Kalbu Qalha*; Novel Sejarah; sejarah Kedah

## HISTORY AS HYPOTEXT IN *KALBU QALHA*

### ABSTRACT

This article focuses on the concept of ‘intertext’ in Amelia Hashim’s novels. The concept appears in Malay literary tradition for example in lipurlara, manuscript writing and the novel itself. This tendency relates to ‘intertextuality’ as a phenomenon on the existence of ‘a text within a text’ or ‘dialogue between texts’. Julia Kristeva coined the term ‘intertextuality’ in her readings of the work of Mikhail Mikhailovich Bakhtin and Ferdinand de Saussure’s sign system and later followed by several scholars such as Roland Barthes, Gerard Genette, Michael Riffaterre and Harold Bloom. Amelia Hashim, a Malay novelist, demonstrates her inclination towards historical themes and settings in *Kalbu Qalha* (2017). This study refers to *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, *Manuskrip Undang-Undang Kedah* and *Manuskrip Surat Menyurat* as main sources of research. Some intertextual processes involve transformation, modification and demitefication. This paper also uses the historical philosophy conceived by Syed Muhammad Naquib al-Attas, a Malay philosopher and well-known modernist Islamic thinker in the 21st century in Malay history and culture. This article finds his writing worth in history and literature besides metaphysical knowledge, theology, and philosophy. Obviously, *Kalbu Qalha* created by historical elements. Intertextuality could be said to denote Amelia Hashim’s authorship strategy, reflecting an attempt to ‘modify’ history to channel Malay aspirations and the spirit to uphold the dignity of the Malays among audience.

**Keywords:** Amelia Hashim; intertextuality; *Kalbu Qalha*; Historical Novel; history of Kedah

### PENGENALAN

Teks bukan sastera menjadi pilihan para pengarang sebagai antara sumber pencereaan dalam menyampaikan wacana menerusi karya sastera. Kecenderungan pengarang dalam mengemukakan semula teks sejarah misalnya, bukanlah bertujuan untuk mengubah peristiwa sejarah yang asal. Sebaliknya menerusi gubahan baru, pengarang menghadirkan idea, tanggapan serta tafsiran terkini dalam menafsir sejarah lampau. Naskhah sejarah memainkan peranan yang signifikan dalam mengemukakan idea terhadap pembinaan sesebuah novel berunsur sejarah. Pembicaraan wacana yang rencam serta keelokan akal budi masyarakat Melayu dirunut menjadi daya tarikan untuk ditaakul, ditafsir pemikirannya dan dipersembahkan semula dengan gaya pengucapan yang lebih segar menerusi cereka. Ideologi sebagai gagasan serta pemikiran yang terpakai dan dikehodapankan, bukan sekadar suatu kemujaradan. Melainkan ia mempengaruhi dan membentuk cara berfikir, bertindak, malah cara berwawasan dan juga berimajinasi (Azhar Ibrahim 2017: 15). Pandangan ini dapat dilihat menerusi gunaan sejarah dalam penggubahan karya sastera seperti novel.

Kecenderungan ini turut dikenal pasti dalam perkembangan kesusasteraan Melayu secara umum menerusi penelitian Mawar Safei (2010) dan dipersetujui sebagai saluran menyaran gagasan dalam karya sastera (Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Rohaya Md Ali & Phat a/l Awang Deng, 2020: 20). Begitu juga sorotan oleh Mohd Pozi Hj Masurori (2004: 14) bahawa pengarang mempunyai pelbagai capahan gagasan untuk mengubah karya mereka. Kebanyakan pengarang tidak lari daripada menggunakan pelbagai sumber luar sebagai rujukan utama dalam pengkaryaan mereka.

Rata-rata pengarang Melayu diperhatikan tidak terlepas daripada mengemukakan rumus kreativiti dengan merujuk beberapa teks lain dalam kepengarangan mereka. Rujukan teks awal atau apa yang dinamakan sebagai “hipoteks” merupakan sumber dalam penghasilan

karya. Mawar Safei menemukan empat jenis sumber rujukan yang dimaksudkan, iaitu teks tradisional, teks awal pengarang sendiri, teks pengarang lain dan teks bukan kreatif yang termasuk di dalamnya naskah atau peristiwa sejarah.

Sifat karya sastera yang kreatif imaginatif tentunya memerlukan perkakasan khas untuk khalayak menyelami lautan makna yang ada di dasarnya. Mohammad Mokhtar Hassan (1995:1) dan Sohaimi Abdul Aziz (1997: 20-21) berpendapat bahawa teks sekitaran termasuk budaya bangsa dapat menjadi ilham yang dipindahkan ke ruang penggubahan karya. Ia termasuk teks sejarah, sama ada dalam bentuk naskah maupun peristiwa tertentu. Maka dalam tulisan ini, teks sejarah dilihat sebagai hipoteks kepada sebuah garapan novel, iaitu bagaimana sejarah Kedah yang tersimpan di halaman naskah dialihkan Amelia Hashim ke ruang naratif novel *Kalbu Qalha*.

### **SUMBER NOVEL *KALBU QALHA***

Dalam kesusasteraan, genre novel sering dinikmati khalayak sepetimana puisi, cerpen dan drama. Novel menjadi wadah bagi menggambarkan pelbagai persoalan sosial untuk difikirkan dan dijadikan bahan perenungan pembaca. Istilah novel dipinjam daripada bahasa Inggeris yang berasal dari Itali, iaitu “novella” yang bermaksud satu bentuk cerita prosa yang panjang. Novel memaparkan realiti manusia yang panjang dalam menghayati kehidupan, menentukan arah dan tujuan mereka, berinteraksi sesama mereka, berinteraksi dengan alam, menghayati zaman kini dan mengingati zaman lampau (Kroeber 1971:113).

Menerusi novel juga selain untuk tujuan mendapatkan hiburan jiwa dan akal, ia menawarkan gambaran kelakuan watak, latar belakang pelbagai golongan masyarakat dan permasalahan yang dikisahkan melalui pelbagai teknik sama ada secara monolog, monolog dalaman dan dialog serta merenung masa hadapan (Evans 1966:149-150). Novel berbentuk realisme merupakan satu kisah rekaan yang lengkap tentang pengalaman manusia, terutama yang berkaitan dengan kisah-kisah kehidupan manusia dengan segala masalah dan pertelingkahan yang dihadapi.

Berdasarkan kreativiti dan inovasi, beberapa proses kreatif yang ditangani pengarang dapat mengubah teks asal sama ada dari sisi teknik pengolahan atau persoalan daripada perubahan zaman dan persekitaran. Maka ini antara lain yang dinamakan sebagai fenomena hubungan antara teks atau intertekstualiti. Misalnya dalam penemuan kajiannya, Mawar Safei (2010) merumuskan sebahagian besar ragam kepenggarangan Melayu sarat dengan hubungan antara teks berkenaan.

Maka dalam penelitian ini dilihat bagaimana Amelia Hashim mengembangkan hipoteks yang merupakan manuskrip lama menjadi hiperteks, iaitu novelnya *Kalbu Qalha* (2017). Sebagai pengarang yang dilahirkan di Kedah dan merupakan anak jati negeri Kedah Darul Aman, keseluruhan penghasilan novel *Kalbu Qalha* adalah dengan merujuk “Negeri Qalha” ataupun kini lebih dikenali sebagai Kedah. Kesahihan fakta dalam *Kalbu Qalha* boleh dilihat akan proses pemindahan yang dilakukan Amelia Hashim dengan menggunakan manuskrip lama sejarah negeri Kedah. Penelitian ini juga mendapati novel berkenaan dihasilkan berlandaskan buku sejarah Kedah yang dikarang pada zaman berlakunya sejarah tersebut. Menurut Ibrahim Ismail (1987: 19-20), terdapat beberapa manuskrip lama yang berkaitan dengan sejarah Kedah Tua. Ia termasuk surat-surat, iaitu perjanjian antara Kedah Tua dengan negara-negara lain. Manuskrip sejarah lama yang boleh dipertanggungjawabkan kesahihan fakta sejarahnya ialah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* kerana mempunyai tarikh-tarikh tertentu yang dicatatkan pengarangnya. Berbanding *Hikayat Merong Mahawangsa*, ia tidak mempunyai sebarang fakta berkenaan tarikh-tarikh tertentu.

Dalam kebanyakan karya yang dihasilkan, Amelia Hashim mempertaruhkan sensitiviti dan kreativitinya dalam memaparkan fenomena sejarah yang berlaku dalam

masyarakat negeri Kedah yang dikongsi bersama khalayak pembaca. Keprihatinan, kesedaran dan daya kepekaan yang tinggi, diperoleh melalui pelbagai sumber iaitu pemerhatian, penelitian, pengalaman peribadi mahupun pembacaan yang disaring dan diolah melalui proses kreativiti yang meninggalkan kesan mendalam kepada pembacanya.

Justeru persoalan yang menyangkut tentang kehidupan manusia tentunya tidak terlepas daripada lingkungan kepengarangan. Ia sebagaimana ditegaskan Umar Junus (1998: 80) bahawa hubungan karya dengan khalayaknya sangat intim dan pemaparan kecenderungan sosial dalam sesbuah karya adalah sesuatu yang berpadanan dalam konteks berkreatif. Dalam hal ini Amelia Hashim dikatakan sangat serasi mengangkat isu sosiobudaya negeri Kedah untuk dibahaskan dalam wilayah naratif novelnya. Kecenderungan mengangkat peristiwa dari persekitaran, pengalaman meneroka bahan-bahan sejarah, pengalaman dalam kerjaya, menjadi sumur untuk pengarang seperti Amelia Hashim berkarya. Rentetan daripada kecenderungan itu, maka kajian ini menggunakan landasan intertekstualiti dalam novel *Kalbu Qalha*.

### **NOVEL KALBU QALHA DAN PENGGEMBLENGAN SEJARAH**

*Kalbu Qalha* (2017) menggunakan sejarah sebagai landasan teks rujukannya. Menurut Hafizah Isszahanid (*Berita Harian*, 29 Jun 2017), antaranya memperakankan perkara ini. Catatan ini turut diperagakan di bahagian rangsang sari novel,

...mengarang novel genre sejarah memang memberikan cabaran yang cukup besar kepada pengarang. Selain berpegang kepada fakta, keupayaan untuk mencanainya dalam bentuk fiksyen bukan mudah, bagaimana ia tidak mustahil untuk dilakukan untuk dilakukan. *Kalbu Qalha* tulisan Amelia Hashim ini sebagai sebuah teks sejarahnya pastinya akan sangat berjaya. Ia menurut kronologi, penuh fakta dan disokong dengan tempoh penyelidikan yang panjang... penggunaan naskhah lama mengukuhkan lagi isi novel sejarah ini.

Satu lagi periteks atau dalil yang menyokong “kesejarahan” novel ini ialah melalui lima halaman khas yang ditulis pengarangnya di awal novel ini iaitu “Prakata” yang mencatatkan bahawa novel ini merupakan satu-satunya naskhah beliau yang bersifat sejarah yang dapat dipertanggungjawabkan baik pun dari segi kesahihan faktanya, mahupun dari aspek tarikh/tahun yang dicatatkan penulis. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* berbeza jauh daripada sebuah teks sejarah lagi terawal, iaitu *Hikayat Merong Mahawangsa* yang banyak disulami dengan unsur mitos dan legenda di samping tidak mengandungi sebarang tarikh dalam setiap peristiwa sejarah yang dikemukakan.

Penulis juga menggunakan sumber persejarahan yang lain, iaitu manuskrip *Undang-Undang Kedah* yang terkarang pada tahun 1602 Hijrah (1650 Masihi) iaitu pada zaman pemerintahan DYMM Sultan Rijaluddin Muhammad Shah di Kota Naga. Sebuah lagi sumber rujukan yang digunakan Amelia Hashim yang tidak terdapat dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* adalah manuskrip berupa surat menyurat pada zaman Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin Shah II iaitu Sultan Kedah ke-19 (1710-1778 Masihi).

Maka diperlihat dengan jelas bahawa sejak awal novel ini ditulis sebegitu rupa bagi membentuknya sebagai sebuah novel yang berkaitan dengan sejarah dan fakta. Latar peristiwa lampau boleh diceritakan semula dengan pelbagai cara tanpa mengubah sebarang fakta aslinya. Namun, pengarang dengan kebijaksanaan seninya, rata-rata tidak lari daripada penggembangan plot, pemerian watak dan penciptaan latar dengan penerapan unsur luar bagi mengampuhkan lagi jalan penceritaan sejarahnya (Zakaria Ghazali, 1996: 33).

Kecenderungan mengekalkan label sejarah pada novel ini, kian diperkuuhkan apabila dikesani bahawa pengarang akur dengan gerak sejarah hubungan Kedah dengan Siam dan Inggeris melalui watak-watak yang terlibat; rata-rata dikerjakan secara kronologi. Diturunkan plot Tunku Anum mengikut bahagian-bahagian. Terdapat 52 bahagian yang disusun penulis mengikut plot sejarah yang tepat. Bermula daripada pengenalan watak sehingga pertengahan cerita iaitu berkaitan dengan perperangan dan perubatan negeri iaitu perperangan Kedah dan Siam. Penulis juga membangkitkan kisah antara perjanjian Kedah dengan Inggeris sehingga berlakunya peristiwa yang tidak diduga. Malah plot akhir menceritakan tentang kebangkitan Kedah semula selepas berlakunya perperangan terbesar antara Kedah dan Siam.

Merujuk manuskrip sejarah lama iaitu *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, tercatat nama pengarangnya pada bahagian kolofon manuskrip iaitu Muhammad Hassan. Beliau merupakan kerani rahsia kepada Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Syah (1854-1879). Dalil bertulis ini memaklumkan bahawa pengarang hidup sezaman dengan watak-watak pemimpin yang disebutkan dalam manuskrip sejarah tersebut. Amelia Hashim mengadun latar kisah sejarah yang dilalui Muhammad Hassan dan watak-watak sezaman dengan menerapkan tarikh-tarikh peristiwa yang mengukuhkan lagi plot sejarah tersebut. Keakuran terhadap sejarah ini rata-rata bersifat memudahkan serta mewajarkan kisah kebangkitan dan kejatuhan negeri Kedah. Ia adalah ekoran daripada perebutan kuasa dan perperangan sehingga kemenangan Tanah Melayu. Menurut Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (2011: 15), Kedah merupakan sebuah kerajaan awal yang wujud di Tanah Melayu dan menjadi sebuah kerajaan yang sentiasa menjadi sasaran ancaman negara jiran, iaitu Thailand.

Tunku Anum merupakan watak utama yang menjadi penggerak dan pencerita dalam penulisan *Kalbu Qalha* ini. Watak utama ini berperanan menghidupkan jalan cerita dari permulaan kisah kebangkitan negeri Kedah sehingga plot akhir yang terdapat dalam novel. Amelia Hashim hanya perlu mengeksploitasi sebaiknya watak dan perwatakan seperti Tunku Anum bagi menjayakan misi kreatifnya.

Pembentukan watak ini sejajar pula dengan definisi yang diusulkan *Glosari Kesusastraan Melayu* (1986: 216) sebagai salah satu ciri-ciri “novel sejarah” iaitu,

Novel yang mengemukakan watak rekaan dengan membina kembali tokoh tertentu yang ternama dan yang tercatat dalam zaman lampau, lalu memaparkannya dalam bentuk cereka menurut imaginasi pengarang. Meskipun ia dilahirkan dalam bentuk cereka, fakta-fakta sejarah sama ada yang dijelmakan untuk latar, selalunya dipelihara dan disesuaikan menurut cerita. Berdasarkan peristiwa-peristiwa sejarah itu, pengarang menimba kisah-kisah penting yang mungkin mengenai pergeseran atau konflik yang sesuai untuk menjadi bahan cerita, misalnya tentang pergolakan sosial mahupun politik pada sesuatu zaman.

Menurut Mawar Safei (2006:35), pandangan Avron Fleishman (1971: 3-4), turut memperkatakan hubungan watak dengan persoalan dalam sesebuah novel sejarah,

*It is necessary to include at least one such figure in a novel if it's to qualify as historical... The historical novel is distinguished among novels by the presence of a spesific link to history; not merely a real building or a real event but a real person among the fictitious ones.*

Berdasarkan beberapa laman sawang dan catatan sejarah khususnya berkaitan dengan sejarah negeri Kedah, plot naratif yang diajukan Amelia Hashim menepati gerak sejarah mengikut urutan masa. Namun apa yang berbeza ialah proses ‘mengada-adakan’ yang dilakukan pengarang terhadap watak-watak khususnya Tunku Anum dan beberapa watak

orang istana yang lain serta beberapa plot yang dibentuk sedemikian rupa bagi mewajarkan tujuan penghasilan novel ini sebagai sebuah penulisan kreatif. Dengan erti kata lain melalui Tunku Anum, Amelia Hashim menggunakan teknik ‘pembakaian’ bagi memberi ‘kefahaman baru’ kepada pembaca sejarah. Penerapan watak-watak istana yang digembelng Amelia adalah bertujuan untuk menerapkan nilai estetika kesultanan Melayu Kedah ketika itu. Penerapan nama watak yang asli dan budaya kehidupan istana menimbulkan keunikan dalam menzahirkan kehidupan istana pada zaman itu.

Jelani Harun (2006: 41) menyatakan keistimewaan latar istana kesultanan Melayu Kedah ketika era kebangkitan Kedah Tua. Misalnya di istana terdapat beberapa alat muzik seperti nobat yang dijadikan sebagai alat muzik utama diraja sewaktu meraikan acara atau sebaliknya bagi menyampaikan berita duka. Begitu juga sudah ada upacara penganugerahan pangkat dan gelaran kepada para menteri.

Teknik pemindahan (*transformation*) dari halaman sejarah ke ruang naratif dalam novel ini, bermula dengan pemilihan Amelia Hashim pada watak utama iaitu Tunku Anum. Tunku Anum merupakan cucu kepada Tunku Muhammad Jiwa, iaitu Sultan Qalha ke-19. Namun, pengarang menggantikan Tunku Muhammad Jiwa sebagai watak peneraju. Tunku Anum merupakan tunjang penting ataupun penghidup cerita dalam novel *Kalbu Qalha* ini. Namun, melalui inti manuskrip asal sejarah iaitu *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, watak utama atau tunjang penting dalam kisah tersebut ialah Muhammad Hassan. Penulis melakukan proses transformasi pada watak utama agar dapat menghidupkan lagi jalan cerita dalam bentuk realiti kreatif.

Peranan watak Tunku Anum, menyalurkan suara yang menceritakan sejarah pembukaan negeri Kedah dengan bermulanya sudut pandang siasah. Politik amat berkait rapat dengan kepimpinan. Pemerintah merupakan orang yang diberi tanggungjawab untuk mentadbir dari pelbagai aspek dan memberi pembaharuan dalam lingkungannya (Pranadjaja, 2003:24). Selaras dengan gambaran sudut pandang politik, *Kalbu Qalha* dipersembahkan penulisnya dengan menunjukkan bahawa wujudnya sistem pemerintahan kesultanan Melayu yang agung. Walau bagaimanapun dapat dikesan bahawa berlakunya beberapa proses transformasi antara hipoteks sejarah dengan *Kalbu Qalha*,

Kebijaksanaan dan keprihatinan pemimpin ketika itu amatlah penting bagi menjamin kesejahteraan rakyat iaitu perjuangan dalam menyelamatkan nyawa rakyat dan bumi Kedah daripada serang musuh yang melibatkan peperangan., Angkatan Tenangsari telah tewas dengan Kedah yang dibantu oleh angkatan Raja Ligor. Tun Perkasa bijak mengatur strategi agar tidak mengorbankan rakyat. Tun Perkasa juga amat mengasihani rakyat dan mengatur langkah untuk bergerak ke beberapa tempat sehingga sempadan agar tidak dihidiu oleh musuh.

(Muhammad Hassan, 1968: 20-21)

Kisah berkenaan dikesan melalui *Kalbu Qalha* iaitu apabila dinyatakan bahawa peristiwa serangan Tenangsari terhadap Kedah melalui sebuah dialog:

“Rakyat terbanyak tidak berdosa. Kita jangan libat mereka dalam peperangan ini. Kita tidak mahu mereka terkorban. Kita cadang panglima serta pendekar bergerak dari sini. Dalam negeri kawasan aman. Kita bergerak ke utara sampai sempadan. Kita tahan mereka supaya jangan masuk ke negeri kita,” kata Tun Perkasa.

(Amelia Hashim, 2017:42)

Pernyataan ini merupakan monolog antara Tun Perkasa dengan Seri Paduka Maharaja Derma Diraja (Sultan Qalha ke-7) dan pengikut-pengikut yang lain. Tun Perkasa merupakan seorang menteri yang bijaksana dan merupakan kesayangan Sultan. Malah gelarannya, “Tun Perkasa” merupakan antara gelaran yang tertinggi. Tun Perkasa memainkan peranan beliau

sebagai seorang pemimpin yang perlu bertanggungjawab menjaga keamanan dan kebijakan rakyat Qalha. Beliau tidak mahu rakyat yang tidak berdosa turut terkorban dalam serangan perang oleh negeri Tenangsari yang dengki dan ingin merampas kekayaan negeri Qalha. Menurut Muhammad Hassan (1928:28), kebijaksanaan kepimpinan Tun Perkasa dapat dilihat pada perancangan strateginya dalam menyelamatkan rakyat dan tanah Kedah. Rakyat dibawa lari ke kawasan yang aman agar tidak diancam musuh. Manakala kawasan sempadan negeri Qalha dikawal rapi panglima dan pendekar Melayu Qalha. Situasi ini memperlihatkan tanggungjawab Tun Perkasa sebagai pemimpin bagi menjaga keamanan dan keselamatan tanah negeri Kedah ataupun Qalha.

Amelia Hashim mengubah suai jalan cerita sejarah yang dipaparkan dengan menggunakan dialog terhadap teks sesuai dengan konsep ia sebuah novel. Proses ini dipanggil sebagai transformasi formal atau fizikal. Pengarang ingin mengangkat kebesaran atau kepimpinan Tun Perkasa dalam membantu raja dengan lebih jelas. Malah pengarang juga menyusun beberapa dialog agar pembaca sendiri dapat merasai sifat dan ketegasan pemimpin dalam karya.

Proses transformasi naratif plot dari aspek politik juga dapat dilihat melalui hipoteks sejarah iaitu *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* (1968). Ia menceritakan beberapa peristiwa penting yang berlaku pada zaman pemerintahan zuriat sultan Kedah mengikut kronologi masa lengkap dengan cerita tarikhnya:

Pembangunan Kedah tergambar melalui pembukaan bandar yang baharu, pembinaan bangunan, jalan raya, sungai parit, sawah dan demikian juga dengan kemajuan dalam urusan perdagangan, pendidikan, agama, dan sebagainya. Sultan Muhammad Jiwa telah membuka Kota Setar pada tahun 1148 Hijrah (1735). dan Kota Anak Bukit pada tahun 1151 Hijrah (1738). Sultan Abdullah Mukarram Shah menitahkan pembinaan kota batu di Kuala Bahang.

(Muhammad Hassan, 1968: 86)

Sejarah pembukaan bandar yang masyhur pada zaman tersebut dapat dikesan melalui novel *Kalbu Qalha*:

“Pada zaman pemerintahan Sultan Atauallah Muhammad Shah I, baginda mengarahkan rakyat mengorek sungai antara Jerlun hingga Alor Janggus. Kemudian, dari Alor Janggus dikorek lagi hingga tembus ke Kubang Rotan terus ke Sungai Mati. Kuala Sungai Mati itu bersambung ke sungai besar bermuara Kuala Bahang,” kata bondaku.

(Amelia Hashim, 2017: 147-148)

Dapat dilihat bahawa Amelia Hashim melakukan proses transformasi dan berlakunya penambahan latar tempat. Pengarang juga melakukan proses mengada-adakan watak tambahan iaitu watak bonda sebagai pendukung watak utama. Pengarang menjadikan dan menghidupkan jalan cerita melalui dialog atau penceritaan seorang ibu terhadap anaknya. Jika dilihat dalam hipoteks sejarah, watak ibu langsung tidak wujud. Namun, pengarang cuba memenuhi kehendak naratif sebuah karya kreatif, pengarang menghidupkan watak “Bonda” sebagai pendukung watak utama iaitu Tunku Anum. Bonda merupakan orang yang mengetahui segala cerita berkaitan Kedah dan menceritakan kepada anaknya iaitu Tunku Anum. Penggunaan nama watak lain juga cuba digarapkan agar menjadi lebih unik dan pembaca dapat mengikuti kronologi penceritaan yang lebih jelas yang disandang watak Tunku Anum dan Bonda sebagai pencerita dalam karya kreatif.

Transformasi hipoteks sejarah daripada aspek politik turut dapat dilihat akan rentetan yang berkaitan dengan Perjanjian Inggeris yang dilakukan Sultan Kedah ketika itu:

Pada tahun 1205 Hijrah (1790) Sultan Abdullah Mukarram Syah membuat surat perjanjian dengan Kapten Light untuk menyerahkan Pulau Pinang

kepada Syarikat Hindia Timur “selagi ada matahari dan bulan”. Syarikat Hindia Timur akan membayar sebanyak 6000 ringgit setahun kepada Sultan Kedah. Sementara, Sultan Dhia’uddin Mukarram Syah pada tahun 1217 Hijrah (1802) telah membuat surat perjanjian dengan Sir George Leith Baronet untuk menyerahkan Seberang Perai kepada Syarikat Hindia Timur. Syarikat tersebut berjanji akan membayar 4000 ringgit setahun kepada Sultan Abdullah Mukarram Syah hingga anak cucunya “selagi ada matahari dan bulan”. Kedua-dua perjanjian yang sudah berusia melebihi 200 tahun tersebut sewajarnya diberi penilaian semula oleh kerajaan Negeri Kedah pada hari ini.

(Muhammad Hassan, 1968: 132)

Berdasarkan kisah sejarah berkenaan, *Kalbu Qalha* juga turut menceritakan tentang peristiwa tersebut. Namun, konsep penceritaan ini lebih kreatif dengan menggunakan konsep antara dialog. Pengarang mewujudkan dialog Tunku Anum dan Bonda sebagai pencerita. Pengarang juga meletakkan nama tambahan kepada Sultan Mukarram Sham sebagai Nenda kepada Tunku Anum. Dalam hipoteks sejarah, watak “Nenda” dan “Tunku Anum” sama sekali tidak wujud. Namun pengarang menzahirkan unsur kreatif agar plot tersebut kelihatan lebih menarik dan mudah difahami. Pengarang juga menambah beberapa jalan penceritaan dan plot agak kelihatan lebih “dramatik”. Misalnya yang terdapat dalam *Kalbu Qalha* (2017: 383):

Sultan Abdullah Mukarram Shah II tidak mampu berbuat apa-apa lagi. Seperti jatuh ditimpa balak. Dengan rasa berat hati, Tuanku Sultan mewakilkan Tunku Alang Ibrahim, Tunku Syarif Muhammad dan Dato’ Penggawa Telibung. Perjanjian dengan Francis Light yang mewakili Syarikat Inggeris Hindia Timur itu disempurnakan di Fort Cornwallis; perjanjian penyerahan Pulau Pinang dengan pajakan 6000 dolar Sepanyol. Sebanyak itu yang dipersetujui Syarikat Inggeris Hindia Timur ikut telunjuk Francis Light.

Dapat dilihat bahawa pengarang cuba mewujudkan beberapa watak sampingan di samping latar tempat. Sebagai contoh pengarang cuba meletakkan latar tempat “Fort Cornwallis” agar kelihatan lebih menarik, sedangkan dalam hipoteks sejarah, latar tempat tersebut tidak disebutkan. Pengarang meletakkan latar tempat tersebut berdasarkan sumber hipoteks lain. Menurut Salmah Jan Noor Muhammad (2015: 4), Fort Cornwallis merupakan sebuah tempat berlakunya detik perjanjian antara Kedah Tua dengan Inggeris, iaitu Francis Light. Ia berkaitan dengan penyerahan Pulau Pinang. Beberapa warkah lama menjadi bahan bukti berkaitan perjanjian tersebut.

Pengarang juga menambah beberapa plot penceritaan agar kelihatan lebih menarik dan tersusun untuk menghidupkan watak Tunku Anum. Misalnya watak “Ayahanda” yang memperkuuh garis narasi novel,

Kata ayahandaku, aku baru berusia dua tahun ketika perjanjian itu dimeterai oleh ayahandaku Tunku Pengiran atas arahan Lord Minto, Gabenor Jeneral Bengala pada 20 April 1791.

...menyentuh isi perjanjian itu, ayahandaku berkata, Sultan Abdullah meletakkan syarat: Syarikat Inggeris Hindia Timur hendaklah mengawal keselamatan pantai Qalha. Perahu, kapal layar, dan jong bebas menjalankan perniagaan.

(Amelia Hashim, 2017: 383)

Dapat dilihat bagaimana pengarang cuba menyampaikan isi hiperteks menerusi monolog dalaman yang disandang watak Tunku Anum. Berdasarkan hipoteks sejarah, ia hanya menceritakan bagaimana pemerintah serta orang suruhannya menjalankan perjanjian

tersebut tanpa meletakkan dialog serta watak lain sebagai plot penceritaan. Namun pengarang cuba membangunkan plot “baru” bagi mengikut ruang naratif novel. Pengarang juga cuba mengada-adakan watak seorang wanita yang dikatanya begitu cantik sehingga dapat memikat Francis Light iaitu Siti Sabariah Cahaya Alam. Pengarang menokok jalan cerita dengan menghidupkan watak Siti Sabariah, bagi mengukuhkan kreativiti novel dengan mengangkat tema percintaan. Dalam hipoteks sejarah juga, pengarang hanya menggunakan nama “Light” sebagai watak dalam plot. Namun, Amelia Hashim menambah nama watak iaitu “Francis Light” agar menjadi lengkap dan mudah dikenali sesuai dengan konsep karya kreatif.

Tulisan *Al-Attas’s Philosophy of History on the Arrival and Proliferation of Islam in the Malay World* (2016) menyebut bahawa sumber ilmu sejarah al-Attas berdasar empat saluran, sama seperti digunakan dalam Islam iaitu;

*“Generally, the source of knowledge received by al-Attas are from four channels: the senses (empirical), the mind (rational), khabar sadiq (genuine reports) and intuition. The treatment of knowledge from rational activities and the acquisition of knowledge from the senses are not accepted true as such but there are values which determine their truth which is Revelation.”*

Menurut Syed Naquib al-Attas (1972), kedatangan Islam ke kepulauan Melayu-Indonesia membawa perubahan yang besar dalam sistem pandangan hidup masyarakat Melayu. Maka, idea Islamisasi alam Melayu yang diperkenalkan al-Attas menjadi kunci utama dalam menilai perubahan dan perkembangan sejarah di rantau ini. Perubahan tersebut adalah merangkumi pelbagai aspek kehidupan antaranya budaya, pemerintahan, pemikiran, serta bahasa dan kesusastraan. Perubahan ini dapat dilihat pada rentetan sejarah Qalha yang terdapat dalam hipoteks sejarah,

Selepas kemangkatan Maharaja Derbar Raja, pemerintahan Qalha diteruskan oleh beberapa orang zuriat baginda sehinggalah ke zaman pemerintahan Seri Paduka Maha Jiwa yang meramaikan Pulau Langkawi. Seri Paduka Maha Jiwa digantikan oleh putera baginda yang bernama Seri Paduka Derbar Raja. Pada tahun 531 Hijrah, Syeikh Abdullah tiba di Qalha dari Yaman dan mengislamkan Seri Paduka Maharaja Derbar Raja serta menukar nama baginda kepada Sultan al-Muzaffar Syah. Nama Qalha pula ditukar menjadi Kedah Darul Aman. Kedatangan Syeikh Abdullah dari Yaman merupakan suatu peristiwa yang sangat penting

(Muhammad Hassan, 1968: 28)


Teks dari sumber hipoteks sejarah ini menceritakan bagaimana Kedah mula menerima Islam sebagai agama rasmi. Penerimaan Islam adalah bermula dalam kalangan pemimpinnya terlebih dahulu. Melalui *Kalbu Qalha*, dapat dikesan akan rentetan sejarah seperti hipoteks sejarah:

“Ya! Baginda terbuka pintu hatinya untuk menerima cahaya Islam pada tahun 1136 Masihi bersamaan dengan 531 Hijrah. Inilah yang ditunggu-tunggu oleh rakyat yang terlebih dahulu menerima Islam. Apabila raja sudah Islam, maka seluruh rakyat ikut menerima Islam sebagai pegangan hidupnya. Alhamdulillah...”.

(Amelia Hashim, 2017: 77)

Pengarang cuba melakukan proses transformasi daripada hipoteks sejarah kepada karya kreatif dengan mewujudkan dialog. Malah pengarang cuba mengada-adakan kesan emosi kepada plot agar pembaca lebih menghayati. Misalnya pengarang meletakkan perkataan pinjaman Arab yang selalu disebut oleh orang Islam iaitu “Alhamdulilah”. Perkataan ini sering disebut oleh umat Islam bagi menandakan sebuah kesyukuran terhadap

Allah. Pengarang menungkap perkataan tersebut agar pembaca dapat menghayati betapa syukurnya rakyat Kedah kerana sejarah mulanya syiar Islam di negeri itu sehingga kini.



RAJAH 1. Mercu Tanda di Gunung Jerai

(Sumber: <https://www.percutianbajet.com/kedah/tempat-menarik-di-gunung-jerai-kedah>)

Pengarang tetap meletakkan tahun dan nama watak yang tepat agar tidak lari daripada landasan sejarah asli. Malah pengarang juga menceritakan tentang pembinaan menara ataupun mercu tanda di puncak Gunung Jerai (Rajah 1). Mercu itu juga merupakan perlambangan bahawa negeri Kedah merupakan negeri yang pernah menerima Islam. Mercu tanda ataupun lebih dikenali sebagai menara merupakan usulan Tuan Sheikh Abdullah al-Yamani yang bertujuan untuk dijadikan sebuah tempat azan (Muhammad Hassan, 1968: 29). Pengarang menceritakan kisah terdapatnya telaga Tok Sheikh di Gunung Jerai (Rajah 2). Melalui hipoteks sejarah, rakyat Kedah ketika itu cuba menggali tanah dan mencari sumber air bagi tujuan ibadah, dan bukan dijadikan sebagai telaga. Namun, dalam *Kalbu Qalha*, digunakan kata nama “telaga” kerana pengarang memperoleh dari sumber rujukan terkini.



RAJAH 2. Telaga Tok Sheikh

(Sumber: <https://gunungjerai.weebly.com/places-of-interest.html>)

Serasi dengan falsafah sejarah, kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu-Indonesia membawa perubahan yang besar dalam sistem pandangan hidup masyarakat Melayu. Maka, Islamisasi alam Melayu yang diperkenalkan al-Attas menjadi ukuran utama dalam menilai perubahan dan perkembangan sejarah di rantau ini. Perubahan tersebut merangkumi pelbagai

aspek kehidupan antaranya budaya, siasah, pemikiran, serta bahasa dan kesusasteraan. Perubahan ini dapat dilihat ketika rakyat Kedah menerima Islam lebih awal daripada Melaka.

Pengajian melibatkan sejarah Islam harus bersandarkan kepada tasawur Islam. Al-Attas mendefinisikan pandangan alam, tasawur Islam atau *Islamic worldview* sebagaimana disebut dalam karya *Prolegomena to the Metaphysics of Islam* (1995:1);

*"From the perspective of Islam, a 'worldview' is not merely the mind's view of the physical world and of man's historical, social, political, and cultural involvement in it. The worldview of Islam is not based upon philosophical speculation formulated mainly from observation of the data sensible experience, of what is visible to the eye; nor it is restricted to the world of sensible experience, the world of created things. Islam does not concede to the dichotomy of the sacred and the profane; the worldview of Islam encompasses both al-dunya and al-akhirah, in which the dunya-aspect must be related in profound and inseparable way to the akhirah- aspect, in which the akhirah-aspect has the ultimate and final significance. The dunya-aspect is seen as preparation for the akhirah-aspect without thereby implying any attitude of neglect or being unmindful of the dunya-aspect."*

*Islamic worldview* adalah pandangan Islam tentang realiti dan kebenaran, jelas boleh dilihat pada mata hati kita seterusnya menerangkan tentang hakikat wujud. Oleh yang demikian, istilah *Islamic worldview* diterjemahkan oleh al-Attas ke dalam terminologi Islam, *Ru'yat al-Islam li al-Wujud*, bermaksud pandangan Islam terhadap hakikat dan kebenaran tentang alam semesta (Nur Hasan 2014: 82). Berbalik kepada konteks pengkajian sejarah Islam, para sejarawan Islam seharusnya menolak pandangan alam Barat yang ketara sekali menolak kepercayaan terhadap kehidupan akhirat atau hakikat wujud.

Ketokohan ilmuwan al-Attas Melayu jelas dilihat dalam penulisan karyanya, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan*. Dalam karya ini al-Attas menekankan peranan penting kedudukan sejarah dalam kehidupan manusia. Al-Attas mengkritik kesalahan sejarawan Barat dalam mentafsir sejarah Kepulauan Melayu-Indonesia. Para sejarawan Belanda dan Barat membuat tafsiran mereka berkiblatkan tamadun Jawa Kuno dan tamadun Hindu berbanding agama Islam. Menurut al-Attas, aspek yang diukur dalam menilai ketamadunan di Kepulauan Melayu-Indonesia adalah aspek bahasa dan kesusasteraan, bukanlah aspek kesenian. Beliau mengaplikasikan tasawur serta epistemologi Islam sebagai sumber penulisan. Islam menerima kemampuan pancaindera yang sejahtera, akal sihat, dan laporan yang benar sebagai saluran ilmu pengetahuan yang sah bagi manusia. Dalam konteks alam Melayu, data-data sejarah lampau sangat kurang.

Dapat disimpulkan, dalam mengkaji prinsip asas al-Attas terhadap sejarah dan pensejarahan alam Melayu, pemikiran dan tasawur Islam dijadikan sebagai asas dan panduan utama dalam mengkaji sejarah Islam di rantau ini. Ini kerana menurut beliau sejarah Melayu itu tidak boleh dipisahkan dengan sifat dan hakikat Islam. Kedua, jati diri bangsa Melayu itu menurut al-Attas hanya akan diperolehi dengan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar, iaitu melalui konsep ‘ibrah’ yang dapat diambil daripada kajian sejarah Islam di rantau ini. Justeru, adalah menjadi tugas para sejarawan untuk mengembalikan makna diri Melayu tersebut dengan kajian sejarah yang benar. Ketiga, kedatangan Islam ke kepulauan Melayu-Indonesia membawa perubahan yang besar dalam sistem pandangan hidup masyarakat Melayu. Maka, idea Islamisasi alam Melayu yang diperkenalkan oleh al-Attas menjadi kriteria utama dalam menilai perubahan dan perkembangan sejarah di rantau ini. Perubahan tersebut adalah merangkumi pelbagai aspek kehidupan antaranya budaya, pemerintahan, pemikiran, serta bahasa dan kesusasteraan. Akhir, berdasarkan analisis mengenai keseluruhan subjek dalam konsep sejarah al-Attas, penyelidik mendapati prinsip asas sejarah dan

pensejarahan beliau adalah selari dengan konsep sejarah Islam. Begitu juga dengan disiplin kajian dan penulisan sejarah yang diasaskan sejarawan Islam terdahulu seperti Ibn Khaldun atau al-Mas'udi (Azmul Fahimi, Aidil Farina & Roziah Sidik 2016: 4).

Menurut Izziah Suryani (2015: 34), pengaruh Islam di Kedah berkembang dengan pesat merangkumi kepercayaan, undang-undang yang dijalankan berlandaskan syiar Islam dan budaya yang memperlihatkan wujudnya rumah ibadah dan menara bagi tujuan seruan azan. Kewujudan Gunung Jerai, menara Gunung Jerai serta telaga Tok Sheikh, antaranya membuktikan bahawa sejarah negeri Kedah yang diceritakan dalam hipoteks merupakan fakta yang tepat. Walaupun pengarang melakukan beberapa proses intertekstualiti dalam penulisan *Kalbu Qalha*, sisi sejarahnnya masih dapat dipertahankan.

Malah dari lensa politik yang dibincangkan, kesan peninggalan sejarah Kedah masih kekal sehingga kini. Buktinya terdapat beberapa istana dan makam lama yang ditampilkan dalam novel, dapat ditemukan di Kedah. Menurut Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman (2008: 12), terdapat beberapa penemuan artifak serta tapak peninggalan di kawasan Lembah Bujang, Kedah yang jelas menunjukkan wujudnya sebuah kerajaan berkurun abad lalu. Walaupun novel *Kalbu Qalha* dianggap novel sejarah, pengarang tidak boleh lari daripada sisi kreatifnya, ia sebagai sebuah novel. Pengarang menambah inti naratifnya berdasarkan bahan penemuan dan penelitian beliau di tapak sejarah Kedah. Begitu juga turut ditambah beberapa latar tempat dan budaya bagi memurnikan lagi perjalanan narasi sejarah negeri Kedah. Pengarang cuba membuktikan bahawa proses intertekstualiti yang dilaluinya tidak mengganggu gerak sejarah asal seperti yang terkandung dalam hipoteks bahan-bahan sejarah. Malah pengarang juga membuktikan bahawa penulisan semula sejarah antara hipoteks dengan novel adalah tepat dan boleh dipertanggungjawabkan.

## KESIMPULAN

Membaca karya sastera seperti novel, membentangkan khalayaknya dengan pelbagai sumber cerita yang disalin dan dipindahkan dari kehidupan manusia. Peristiwa sejarah yang dilalui mungkin sahaja diragui atau kurang difahami disebabkan berjaraknya masa lampau dengan masa kini. Namun di tangan novelis seperti Amelia Hashim, himpunan sejarah langka dapat ditinjau, dipermudah, dan diperlok untuk dinikmati generasi muda.

Novel *Kalbu Qalha* ‘memperbaiki’ sejarah Kedah, beralaskan gerak sejarah dan lajur siasah. Melalui plot yang digariskan, Amelia Hashim mengangkat sejarah Kedah yang dalam bentuk asalnya merupakan dokumen sejarah yang polos kepada alur pengkisahan yang lebih mudah difahami dan dihayati pembaca. Menerusi lapangan naratif yang sarat kreativiti dan imaginasi, penampilan watak tambahan menjadikan kisah sejarah Kedah lebih menarik untuk diikuti. Seninya pengarang dilihat dalam proses intertekstual seperti transformasi. Pengarang tetap mengekalkan kisah asal sejarah negeri Kedah yang terdapat dalam hipoteksnya bagi memastikan rasa pertanggungjawaban. Diharapkan menerusi sejarah yang diciarahi semula, ia dapat menawarkan pandangan dan pemaknaan baru. Lalu daripada laluan itu akan dipelajari banyak perkara untuk menempa jalan baru hari mendatang.

## RUJUKAN

- Amelia Hashim. 2017. *Kalbu Qalha*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Ibrahim. 2017. *Historical Imagination and Cultural Responses to Colonialism and Nationalism*. Seremban: Ilham Books.
- Azmul Fahimi, Aidil Farina & Roziah Sidik. 2016. Al-Attas' Philosophy of History on the Arrival and Proliferation of Islam in the Malay World. *International Journal of Islamic Thought*, 10(1), 1-7.
- Evans, Ivor H.N.1966. *The Negritos of Malaya*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Fleishman, Avron. 1971. *The English Historical Novel: Walter Scott to Virginia Woolf*. London: The Johns Hopkins Press.
- Hafizah Iszahanid. 2017. *Kalbu Qalha Kisah Sejarah Negara Bangsa*. Berita Harian. 29 Jun.
- Ibrahim Ismail. 1987. *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*. Sintok, Kedah: Jawatankuasa Penerbitan Universiti Utara Malaysia.
- Izziah Suryani. 2015. Pengaruh Islam dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah. *Jurnal Melayu*, 14 (1),32-47.
- Jelani Harun. 2006. “*Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*: Muhammad Hassan dan Kepengarangan Istana Melayu Awal Abad ke-20” dlm. Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim (peny.). *Kesultanan Melayu Kedah*. Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 15-52.
- Kroeber, A. L. 1971. *Theory of Culture: The Early Years*. Iowa: University of Iowa.
- Mawar Safei. 2006. Hipoteks Sejarah dalam novel *Panglima Awang*. *Jurnal e-Bangi*, 3 (1), 232-236.
- Mawar Safei. 2010. *Novel Intertekstual Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Mokhtar Hassan. 1995. *Sejarah Kritikan Puisi Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Haniff Mohammad Yusoff, Rohaya Md Ali & Phat a/l Awang Deng. 2020. Hipoteks sebagai idea penggaluran naratif dalam novel berunsur sejarah. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 97-107.
- Mohd Pozi Hj Masurori. 2004. *Hikayat Syah Kobat: Analisis Struktur dan Intertekstualiti*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Hassan. 1928. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darul Aman (Jawi)*. Pulau Pinang: The Jelutung Press.

Muhammad Hassan Dato' Kerani Mohd. Arshad, 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah Darul Aman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2008. *Lembah Bujang dari Perspektif Arkeologi dan Pelancongan*. Bangi: Institut Alam Tamadun Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. 2011. *Kerajaan Awal dan Lokasi di Malaysia*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Noresah Baharom. 2005. *Kamus Dewan* Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur Hasan. 2014. *Kritik Islamic Worldview Syed Muhammad Naquib al-Attas Terhadap Western Worldview*. Surabaya: UIN Sunan Ampel Surabaya.

Pranadjaja. 2003. *Hubungan Antara Lembaga Pemerintahan*. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka.

Safian Hussain, Mohd Thani Ahmad, Zakaria Ariffin. 1986. *Glosari Kesusastraan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Salmah Jan Noor Muhammad. 2015. Warkah Sebagai Medium Diplomatik Kesultanan Melayu dalam Menjalankan Hubungan Kuasa Barat. *Jurnal Melayu*, 14 (1), 78-81.

Sohaimi Abdul Aziz. 1997. Hubungan Intertekstual Gestalt dalam Karya-karya A.Samad Said: Satu Dimensi Penikmatan Sastera dalam *Dewan Sastera*. Hlm. 22-24.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. 1995. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).

Syed Muhammad Naquib al-Attas. 2001. *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur : Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).

Umar Junus. 1998. *Fiksyen dan Sejarah: Suatu Dialog*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zakaria Ghazali. 1996. *Alam Pensejarahan dari Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Biodata Penulis:**

**MUHAMAD FAIZ SAZALI** adalah pelajar Sarjana Sastera Kerja Kursus (Kesusasteraan Melayu) di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

**MAWAR SAFEI, Ph. D.** adalah Professor Madya di Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Kesusasteraan Melayu Moden dengan pengkhususan dalam bidang penulisan kreatif dan Sastera Bandingan.

**CHE ABDULLAH CHE YA** adalah Pensyarah Kanan di Program Persuratan Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Kesusasteraan Melayu Moden dengan pengkhususan dalam bidang novel dan kritikan sastera.